

KUTKM anjur Program Outreach Bersepadu 2006

Archival News | Utusan Malaysia | 04/03/2006

MELAKA 3 Mac - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dan Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Kementerian Pengajian Tinggi, akan menganjurkan Program Outreach Bersepadu 2006 di Kolej Matrikulasi Melaka, Londang, esok.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik KUTKM, Wahi Nordin, program itu bertujuan mendedahkan guru-guru kaunselor dan pelajar mengenai program yang ditawarkan oleh IPTA di seluruh negara.

Tambahnya, ia juga bertujuan menyampaikan maklumat mengenai dasar baru pengambilan ke IPTA mulai sesi akademik 2006/2007 yang menekankan 90 peratus akademik dan 10 peratus kokurikulum serta mendidik pemohon mengenai permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian.

'Antara acara diadakan sempena program itu ialah seminar untuk guru-guru kaunselor kawasan selatan iaitu dari Negeri Sembilan, Melaka dan Johor di Century Mahkota, Bandar Hilir," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Turut diadakan ialah pameran yang disertai 17 IPTA, agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Lembaga Akreditasi Negara (LAN), Politeknik, Kolej Komuniti dan Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka.

(Source : Utusan Malaysia)